

21/02/1999

PBS amal politik balas dendam (HL)

Lichong Angkui; Muhd Yusuf Abu Bakar; Shamsul Kamal Amaruddin
KOTA KINABALU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas Parti Bersatu Sabah (PBS) yang mengamalkan politik balas dendam dan tidak menumpukan kepada usaha membangunkan Sabah.

"PBS bukan ada tujuan membangunkan Sabah ... dia nak balas dendam, marah orang itu dan ini," kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar sebelum pulang ke Kuala Lumpur tengah hari semalam.

"Mereka berpolitik semata-mata untuk membalas dendam sedangkan kita berpolitik untuk mendirikan kerajaan yang boleh berkhidmat kepada Sabah dan rakyat," katanya.

Dr Mahathir menegaskan Barisan Nasional (BN) akan melawan pembangkang pada pilihan raya kali ini, sama ada mereka mengadakan kerjasama sulit atau sebaliknya.

Turut hadir Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok; Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Osu Sukam; Setiausaha Agung BN, Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaakub.

Perdana Menteri berkata, BN bertekad membangunkan Sabah kerana kerajaan yang memerintah negeri itu sebelum ini tidak menumpukan soal pembangunan, sebaliknya masing-masing mencari kepentingan diri.

"Sekarang kita serius. Kerajaan Pusat mempunyai fungsi dalam pembangunan Sabah dan kita boleh bekerjasama dengan kerajaan Sabah untuk membangunkan negeri ini dan menyelesaikan masalah kemiskinan," katanya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, Kerajaan Pusat tidak akan membenarkan eksploitasi untuk diri mana-mana pihak, sebaliknya akan memanfaatkan organisasi sedia ada untuk mengagihkan kekayaan bagi pembangunan negeri.

"Ini berbeza dengan dulu ... kalau dulu yang nampak ialah pokok (balak) terlalu tinggi, nak bagi rendah, dia potong, kemudian jual tapi duit pergi mana kita tak tahu," katanya.

Beliau berkata, antara punca kadar kemiskinan di Sabah yang masih pada tahap tinggi ialah kekurangan peruntukan dan tumpuan yang diberi untuk mengatasinya pada masa lalu.

"Dulu Sabah terlalu kaya tetapi ketika itu tidak ada tumpuan diberi kepada pembangunan rakyat kerana masing-masing asyik dengan seronok saja, dapat duit banyak," kata beliau.

Mengenai pilihan raya negeri, beliau berkata BN tidak menghadapi masalah mempertahankan kerajaan sekarang berikutan sokongan rakyat peringkat akarumbi terhadap BN Sabah yang kini sangat positif.

Menurut Perdana Menteri, budaya dan falsafah BN kini diterima sepenuhnya bukan saja oleh pemimpin parti komponen tetapi rakyat biasa yang tahu pentingnya kerjasama dan persefahaman.

Sambil menyangkal andaian BN sukar mencapai kemenangan untuk membentuk kerajaan negeri pada pilihan raya Sabah nanti, Dr Mahathir berkata sikap dan semangat rakyat terhadap BN sangat positif.

Menurutnya, sokongan kepada BN diterima daripada semua lapisan rakyat termasuk kaum Kadazandusun.

"Masyarakat Kadazandusun sekarang mempunyai perwakilan dalam BN dan saya yakin mereka memberi sokongan kepada pemimpin Kadazandusun dalam BN," katanya.

Ketika ini, BN menguasai 43 daripada 48 kerusi DUN Sabah, manakala Parti Bersatu Sabah (PBS) memiliki tiga Adun serta seorang Bebas.

Penggal pemerintahan lima tahun kerajaan sekarang dijadualkan berakhir

pada 18 Mac ini.

Dr Mahathir yang turut melawat Sandakan dan Keningau, berkata teras utama manifesto BN pada pilihan raya negeri kali ini adalah menjurus kepada kesinambungan agenda pembangunan untuk rakyat dan negeri.

"Kita menekankan kepada pemerintahan yang berkeupayaan dan berminat membangunkan Sabah ... yang boleh bekerjasama dengan Kerajaan Pusat.

"Kita juga akan menunaikan janji yang dibuat untuk membangunkan Sabah, umpamanya penubuhan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang setakat ini kerajaan membelanja RM800 juta. Ini membuktikan pandangan serius kita membantu rakyat Sabah," katanya.

Mengenai persiapan menghadapi pilihan raya, beliau berkata segala-galanya sudah beres, manakala pemimpin parti komponen BN termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita BN sudah memberi jaminan untuk patuh kepada nasihat dan keputusan pimpinan parti serta menyokong calon BN.

Katanya, soal agihan kerusi diserahkan kepada BN Sabah menyelesaikannya dan 'kalau tak selesai, barulah beliau campurtangan.'

Beliau berkata, keputusan membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) terserah kepada kerajaan negeri.

(END)